

31 DEC 2001

Mahathir-Makmal

PENDEKATAN PASANG SIAP ATASI MASALAH BANGUNAN MAKMAL TAK SIAP, KATA DR M

PORT DICKSON, 31 Dis (Bernama) -- Kerajaan akan menggunakan pendekatan baru iaitu bangunan pasang siap untuk mengatasi masalah kegagalan menyiapkan makmal-makmal komputer mengikut jadual, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata melalui pendekatan baru itu, kontraktor terbabit mungkin mendapat projek menyiapkan 200 hingga 300 makmal komputer di sekolah-sekolah.

"Kontraktor yang membuat elemen pasang siap itu, mungkin mendapat kontrak bagi 200 hingga 300 bilik komputer. Dia akan menyediakan semua bahan binaan dan kontraktor kecil kelas F akan diberi dua atau tiga projek untuk memasang bahagian-bahagian tertentu di bawah penyeliaan oleh kontraktor yang membuat komponen melalui pendekatan itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri upacara tamat latihan rekrut sesi 147/2001 di Pusat Latihan Asas Tentera Darat (Pusasda) di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai lebih 85 peratus projek makmal komputer di sekolah-sekolah di Semenanjung yang gagal disiapkan mengikut jadual walaupun Kementerian Pendidikan telah melanjutkan tempoh buat kali ketiga bagi empat kontraktor utama menyiapkannya sebelum akhir tahun.

Menurut beliau, kerajaan sedar ramai daripada kontraktor itu tidak mempunyai pengalaman, tetapi sekiranya kerajaan bertindak memberi projek kepada golongan tertentu mereka menuduh kerajaan bersikap pilih kasih.

"Kita sedar ramai daripada mereka tidak mempunyai pengalaman dan kadang-kadang tidak pun berusaha untuk mendapatkan pengalaman. Tetapi kalau kita tak bagi maka akan ada tuduhan, ada pilih kasih, kita bagi kepada sekian-sekian orang sahaja tidak kepada semua.

"Kali ini kita bagi kepada semua, kita dapati ramai yang tidak berminat bahkan mereka cuma berminat untuk menjual kontrak mereka, sampai dua tiga kali jual, akhirnya kawannya yang betul-betul hendak membina itu, untungnya sikit sangat," katanya.

Dr Mahathir berkata melalui pendekatan baru itu, kerajaan berharap kontraktor yang benar-benar ingin mendapat dan melaksanakan projek itu sahaja akan mendapatnya.

"Dengan cara ini, saya harap tak larilah. Kalau dia tak buat sendiri, dia tak akan dapat, orang yang buat sahaja akan dapat projek," katanya.

Ditanya tindakan terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan projek itu walaupun telah dilanjutkan tempohnya, beliau berkata kerajaan akan mencari jalan untuk memastikan ia dapat disiapkan juga.

"Kita cari jalan untuk siapkan juga, kita akan bagi kepada kontraktor lain (kalau kontraktor itu masih gagal). Jangan marahlah. Kita sedang fikir, kena ambil masa sikit," katanya.

-- BERNAMA

APG SBS PR